

0847

U 8826 DEB

MAHATHIR - UMNO

KOTA BAHARU, 29 JUN (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI PARA ANGGOTA UMNO PERLU MENDAMPINGI PENGIKUT BIASA PARTI PAS SUPAYA MEREKA DAPAT DIBERI PENERANGAN MENGENAI TUJUAN SEBENAR PEMIMPIN PAS BERGIAT ATAS NAMA ISLAM.

PERDANA MENTERI BERKATA PARA PEMIMPIN PAS SEKARANG HANYA BERJUANG UNTUK MENDAPAT TEMPAT DALAM MASYARAKAT SEPERTI JUGA PARA PENGASAS PARTI ITU YANG MENINGGALKAN UMNO KERANA MERASA MEREKA DIKETEPIKAN.

USAHA MEMBERI PENERANGAN INI ADALAH SATU FARDU KIFAYAH TERHADAP ANGGOTA UMNO YANG DITUBUHKAN BAGI KEPENTINGAN AGAMA, BANGSA DAN NEGARA, IAITU BERBEZA DARIPADA PAS YANG DITUBUHKAN KERANA KEPENTINGAN PEMIMPINNYA.

PARA PEMIMPIN PAS SANGGUP BERBUAT APA SAHAJA= MENTAFSIR HADIS DAN AL-QURAN MENGIKUT KEPENTINGAN POLITIK DAN +MENGKAFIRKAN+ ORANG ISLAM LAIN ASALKAN MEREKA MENDAPAT KERUSI DALAM PILIHAN RAYA, KATANYA KETIKA BERUCAP MERASMIKAN MESYUARAT AGUNG PERTAMA UMNO BAHAGIAN KOK LANAS DI KETEREH DEKAT SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA KERAJAAN TIDAK MENIDAKKAN FAEDAH PEMBANGUNAN NEGARA DARIPADA ORANG-ORANG PAS KERANA UMNO BERJUANG BUKAN SEMATA-MATA BAGI KEPENTINGAN BEBERAPA ORANG PEMIMPIN TETAPI BAGI FAEDAH NEGARA. -- LAGI  
2028MST 29 06 86

0848

U 8827 DEB

MAHATHIR - UMNO 2 KOTA BAHARU

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA ASAS PERJUANGAN PAS SEBENARNYA BUKAN ISLAM, TETAPI DIDORONG OLEH SEMANGAT KEBENCIAN TERHADAP UMNO KERANA BERJAYA MEMERINTAH NEGARA INI SELAMA 30 TAHUN.

KATANYA, JIKA ASAS PERJUANGAN PAS IALAH AGAMA, PARA PEMIMPINNYA TENTU TIDAK AKAN MENANAMKAN KEBENCIAN TERHADAP KERAJAAN DI KALANGAN ANGGOTANYA DAN PENYOKONG MEREKA.

BELIAU BERKATA GENERASI MUDA MUDAH DIPENGARUHI OLEH PEMIMPIN PAS KERANA MEREKA TIDAK MENGETAHUI ASAL USUL PENUBUHAN PARTI ITU.

SEBELUM ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO MENGADAKAN MESYUARAT PERHUBUNGAN UMNO KELANTAN SELAMA TIGA JAM UNTUK MENINJAU KEADAAN UMNO NEGERI ITU DAN PERSIAPAN MENGHADAPI PILIHAN RAYA. -- BERNAMA  
2029MST 29 06 86